



24 Jun 2014
24 June 2014
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN (PENSEKURITIAN BERSANDARKAN ASET) 2014

INCOME TAX (ASSET-BACKED SECURITIZATION) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN
(PENSEKURITIAN BERSANDARKAN ASET) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Peraturan-Peraturan ini dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] hendaklah dibaca bersama
3. Pemakaian
4. Tafsiran

BAHAGIAN II
PEMULA

5. Hasil atau keuntungan daripada pelupusan dagangan belum terima atau stok dagangan
6. Kerugian daripada pelupusan dagangan belum terima atau stok dagangan
7. Opsyen panggilan untuk membeli balik
8. Formula di bawah standard atau amalan perakaunan
9. Pelupusan aset tetap

BAHAGIAN III
SYARIKAT BERTUJUAN KHAS

10. Pendapatan kasar syarikat bertujuan khas

Peraturan

11. Pendapatan larasan syarikat bertujuan khas

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

12. Tempoh asas

13. Ketidakpakaian

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN
(PENSEKURITIAN BERSANDARKAN ASET) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 36(1)(a)(v) dan perenggan 36(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pensekuritian Bersandarkan Aset) 2014.**

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Peraturan-Peraturan ini dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] hendaklah dibaca bersama

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 termasuklah garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta itu yang berhubungan dengan sekuriti bersandarkan aset.

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi pemula dan syarikat bertujuan khas dalam transaksi pensekuritian bersandarkan aset yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada atau selepas 1 Januari 2013.

Tafsiran

4. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“pelupusan” ertinya penjualan, pemindahhakan, penyerahakan, penyelesaian, pemberi milikan atau pindah milik apa-apa kepentingan atau hak di sisi undang-undang;

“pembangunan harta tanah” ertinya aktiviti mengambil tanah bagi maksud—

- (a) pembinaan bangunan kediaman, komersial atau industri yang telah siap di atas tanah itu, sama ada secara keseluruhannya atau mengikut petak, dan penjualan bangunan kediaman, komersial atau industri itu; atau
- (b) pembangunan dan penjualan lot kosong bagi pembinaan bangunan kediaman, komersial atau industri yang telah siap di atas lot kosong itu, termasuklah rumah desa, ladang hobi, dusun atau bagi maksud lain yang serupa.

(2) Istilah dan ungkapan seperti yang berikut yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam garis panduan yang disebut dalam peraturan 2:

- (a) aset;
- (b) pemula;
- (c) sekuriti bersandarkan aset;
- (d) syarikat bertujuan khas; dan
- (e) transaksi pensekuritian.